



Kali ini kita mengucapkan tahniah kepada bekas rakan sejawat kita, En. Yusof bin Ishak yang telah berbahagia menjadi Yang Dipertuan Negara Singapura. Semoga dengan lantikan itu dapat kiranya suara akhbar-akhbar tetap bebas kerana sudah tentu seseorang wartawan walau di mana pun ia berada, mau supaya suara pena seseorang itu selama-lamanya bebas.

* * *

Ketua rombongan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dihantarkan kerana menghadiri hari pertabalan Yang Dipertuan Negara Singapura ialah En. Abdul Aziz Ishak, adik kepada En. Yusof Ishak sendiri. Kerana itu Awang Sulong kata bahawa sempena mereka iaitu abang – adik. Harus ini benar – berabang-adik tapi biasanya abang adik kalau sudah dewasa tidak mau serumah.

* * *

Di Singapura, menurut apa yang tersiar bahawa tiap-tiap seorang yang hendak berkahwin nampaknya diwajibkan membuat *ta'liq* (syarat atau pengakuan). Pengakuan yang dibuat itu adalah pengakuan yang bertulis iaitu tiap-tiap orang yang berkahwin itu hendaklah memberi nafkah yang cukup, tidak boleh memadukan isterinya jika perempuan tidak reda boleh menuntut cerai dengan adanya *ta'liq* ini maka jika perempuan tua tidak reda kalau mengadu kepada hakim

boleh diceraikan talak satu! Bagus Bung – akhirnya kalau isteri ada anak kerana dimadukan mengadu lalu dapat cerai, akhirnya merana – yang jadi korban dengan hukum *ta'liq* ini Bung siapa? Anak lebih banyak!

* * *

Bendera-bendera banyak berkibar di seluruh bandar Singapura. Bendera Singapura yang berwarna merah putih dengan berbulan sabit menghadapi lima bintang – semuanya berkibar dengan megahnya. Hanya di tiang-tiang yang di atas warna merah putih berbulan dan berbintang itu kelihatan ada banyak warna-warnanya tetapi banyak orang-orang memandang coraknya seakan-akan banyak kepada kegemaran orang-orang India atau Ceylon? *Wa Allāhu a'lam.*

* * *

Sebuah syarikat kerjasama perikanan Pantai Timur mengeluh apabila orang-orang Cina datang ke sana memberi pukut dan alat-alat kepada nelayan-nelayan yang termasuk ahli-ahli syarikat supaya mereka berpaling daripada syarikat menjual barangnya kepada mereka. Ini cara ekonomi rempuhan Bung! Sebab inilah juga ekonomi orang Melayu lumpuh! Walhal telah jadi tabiat orang kita apabila tertelan manis lupa pahit yang ada di dalamnya.

* * *

Di Jawa Barat di Indonesia sekarang ahli-ahli perniagaan Cina di kampung-kampung disuruh menutup kedai-kedai perniagaannya supaya berpindah ke bandar-bandar. Langkah ini harus diambil oleh kerajaan Indonesia untuk menyelamatkan keadaan ekonomi rakyatnya. Apakah ini boleh dijadikan teladan di sini di kampung-kampung yang banyak orang-orang Melayunya? *Wa Allāhu a'lam.* Kalau ditanya sama Cemeti al-Farouk sendiri harus tidak terjawabnya tetapi *wa Allahu a'lam* bagaimana pendapat Demak dan Awang Sulong –

Cemeti al-Farouk.